

# Bantuan BAKTI disalur melalui badan di negeri2

**ALOR SETAR, Rabu** — Badan Amal Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (BAKTI) tidak lagi akan melayani permohonan dari individu untuk mendapatkan bantuan kewangan bagi rawatan perubatan.

Menurut Yang Dipertuannya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah, BAKTI akan memilih sebuah pertubuhan sukarela bagi orang-orang cacat di tiap-tiap negeri untuk menyalurkan bantuannya.

Beliau memberitahu Bernama di sini bahawa rancangan membantu para pesakit termasuk penderita penyakit jantung akan dikendalikan oleh badan-badan di peringkat negeri yang dipilih kelak.

Menurutnya, langkah tersebut selaras dengan program BAKTI untuk memperhebatkan kegiatannya sempena Tahun Antarabangsa Orang-orang Cacat.

Bantuan yang akan dilasurkan kelak merupakan hasil kutipan dari tayangan perdana baru-baru ini. Angka sebenar akan diketahui bila ia dimukakan kepada jawatankuasa BAKTI.

Datin Seri Dr. Siti Hasmah memberitahu, setakat ini seramai 25

orang pesakit jantung telah diberi bantuan berubat di luar negeri terutama di Filipina, Singapura dan New Zealand.

Menurut beliau, urusan berubat bagi para pesakit diuruskan oleh pakar sakit jantung Hospital Besar Kuala Lumpur, Dr. Nik Zainal Abidin Abdul Rahman dan Dr. Kamaruddin Ahmad.

Menurutnya, wang bantuan untuk tujuan tersebut berjumlah \$405,000 hasil dari pesta walkathon hampir habis.

— Bernama.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia